

ANGKASA SUMBANG 400 BUNGKUSAN JUADAH BERBUKA PUASA



Dari kiri Encik Khairi Abdul Khalid, Encik Zuraimi Abdullah, Encik Yusri Abd. Malek, Hajah Sharifah Aminah Syed Mohssain, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Puan Farrah Naz Karim, Encik M. Thilinander, Encik Mohd Fadzil Abd Ghani dan Encik Salehuddin Shah Shabudin.

4 April 2024 - ANGKASA telah menyumbangkan 400 bungkus juadah berbuka puasa kepada kakitangan media dari Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP).

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, telah menyampaikan pemberian tersebut kepada Pengarang Kumpulan NST, Puan Farrah Naz Karim di Balai Berita NSTP, Jalan Riong, Bangsar, Kuala Lumpur.

Inisiatif ini dilakukan melalui Program CSR CoopCare Rezeki Ramadan ANGKASA 2024M/1445H sebagai tanda penghargaan kepada sokongan kakitangan media terhadap gerakan koperasi negara serta peranannya sebagai perantara ANGKASA dengan masyarakat.

Turut hadir dalam acara tersebut ialah Pengerusi ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan, Hajah Sharifah Aminah Syed Mohssain, Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Encik M. Thilinander, Eksekutif Editor Harian Metro, Encik Yusri Abd. Malek, Pengarang Business Times, Encik Zuraimi Abdullah, Pengerusi Koperasi NSTP, Encik Mohd Fadzil Abdul Ghani serta dua Anggota Lembaga Koperasi NSTP iaitu Encik Salehuddin Shah Shabudin dan Encik Khairi Abdul Khalid.

#KOOPNSTP

#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAAGIA

#ARXSUMBANGAN